

## Analisis Kaedah Imam Ibn Hajar Al-Asqalānī Berinteraksi Dengan Riwayat Al-Maghāzī Dan Al-Siyar Dalam Fath Al-Bārī

[*An Analysis of Imām Ibn Hajar al-‘Asqalānī’s Methodology in Engaging with al-Maghāzī and al-Siyar Narrations in Fath al-Bārī*]

Wan Muhd Usaid bin Wan Subki (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia, [usaid.subki@gmail.com](mailto:usaid.subki@gmail.com)

Muhamad Rozaimi bin Ramle

Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. [rector@unisiraj.edu.my](mailto:rector@unisiraj.edu.my)

Article

Progress:

Submission date:

20-11-2025

Accepted date:

15-12-2025

### ABSTRACT

The muḥaddithīn compiled various narrations covering multiple thematic sections in their works, including the reports of al-Maghāzī and al-Siyar. One of the scholars who transmitted these reports in his writings is Ibn Hajar al-‘Asqalānī, particularly in his monumental work Fath al-Bārī. However, Ibn Hajar did not explicitly outline his methodology in engaging with these narrations. Therefore, this study aims to analyse and examine the methods employed by Ibn Hajar in his treatment of al-Maghāzī and al-Siyar reports, specifically within Fath al-Bārī. The analysis focuses on these narrations in order to identify and synthesise Ibn Hajar’s methodological approaches towards them. This research adopts a qualitative design through library-based data collection, employing both inductive and deductive methods. The findings indicate that Ibn Hajar applied specific criteria and methodological principles when citing and evaluating al-Maghāzī and al-Siyar narrations in Fath al-Bārī, such as clarifying errors found within the reports and rejecting narrations that contradict authentic hadiths. Overall, this study contributes to a clearer understanding of Ibn Hajar’s methodological framework in dealing with al-Maghāzī and al-Siyar narrations, thereby enriching contemporary discussions on hadith historiography.

**Keywords:** Fath al-Bārī, Ibn Hajar, Analisis, Kaedah, Al-Maghāzī, Al-Siyar

### PENDAHULUAN

Para muḥaddithīn menerusi karya-karya yang dihasilkan mereka mengumpulkan pelbagai riwayat hadis yang terdiri daripada pelbagai bab. Ini termasuklah riwayat yang berkaitan dengan riwayat al-Maghāzī dan al-Siyar. Mereka tidak menolak riwayat al-Maghāzī dan al-Siyar secara mutlak. Mereka menerima riwayat ini jika menepati syarat yang mereka gariskan (al-‘Umarī,

1994). Antara ahli hadis yang banyak meriwayatkan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* dalam kitab mereka adalah Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menerusi kitab *Fatḥh al-Bānī*. Beliau didapati banyak menukulkan perincian dan riwayat dari kalangan ahli sejarah bagi melengkapkan perincian terhadap aspek-aspek tertentu dalam sesebuah kisah atau peristiwa dalam sirah.

Namun metodologi Ibn Ḥajar dalam menukulkan dan berinteraksi dengan riwayat-riwayat ini tidak dinyatakan secara jelas oleh beliau. Justeru, penulis merasakan kajian terhadap riwayat-riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* yang terdapat dalam kitab *Fatḥh al-Bānī* perlu dijalankan bagi mengenalpasti metodologi beliau dalam berinteraksi dengan riwayat-riwayat ini. Kajian ini akan dimulakan dengan biografi Ibn Ḥajar secara ringkas sebelum menganalisis metodologi Ibn Ḥajar dalam berinteraksi dengan riwayat-riwayat tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN DAN SKOP ANALISIS

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan dengan menggabungkan kaedah induktif dan deduktif. Data diperoleh daripada sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* serta metodologi ulama hadis, khususnya karya-karya Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.

Kitab *Fatḥh al-Bānī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dipilih sebagai sumber utama kajian kerana ia merupakan karya syarḥ hadis yang paling komprehensif oleh Ibn Ḥajar, yang menghimpunkan perbincangan hadis bersama riwayat sejarah, *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* secara kritikal dan analitikal. Karya ini juga memperlihatkan aplikasi praktikal metodologi beliau dalam berinteraksi dengan riwayat sejarah dalam konteks penghuraian hadis.

Skop kajian ini tertumpu kepada analisis riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* sebagaimana yang dihuraikan dalam *Fatḥh al-Bānī*, tanpa melibatkan analisis sanad secara terperinci atau perbandingan dengan karya syarḥ hadis yang lain. Pemilihan contoh riwayat dibuat berdasarkan kejelasan pendekatan metodologi Ibn Ḥajar yang ditampilkan, sama ada melalui penolakan, *taijīh*, pengharmonian (*al-jamʿ*), atau penggunaan riwayat ahli *al-Maghāzī* bagi melengkapkan perincian hadis sahih.

## SOROTAN KAJIAN

Beberapa kajian moden telah membincangkan metodologi para muḥaddithīn dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Sīrah* dan *al-Maghāzī*. Antaranya, karya *al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Saḥīḥah* oleh

Akram Ḍiyā' al-'Umarī (1994) menekankan prinsip umum penerimaan riwayat sirah di sisi *muḥaddithīn* serta keperluan toleransi terhadap riwayat yang tidak terlalu lemah bagi melengkapkan gambaran sejarah. Namun, kajian ini bersifat umum dan tidak meneliti aplikasi metodologi tersebut dalam karya hadis tertentu.

Selain itu, kajian oleh Musfir 'Azm al-Dumaynī (t.t) bertajuk *Marwiyyāt al-Sīrah al-Nabawīyyah bayna Qawā'id al-Muḥaddithīn wa riwāyat al-Akḥbāriyyīn* turut membincangkan perbezaan pendekatan antara *muḥaddithīn* dan ahli sejarah dalam menilai riwayat sirah, namun fokusnya tertumpu kepada kerangka metodologi secara konseptual tanpa analisis terperinci terhadap pendekatan tokoh tertentu seperti Ibn Ḥajar al-'Asqalānī.

Dari sudut kajian tokoh pula, tesis oleh Muhamad Rozaimi bin Ramle (2014) mengkaji metodologi Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* dalam *Zād al-Ma'ād*. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak menyentuh metodologi Ibn Ḥajar serta tidak menganalisis pendekatan Ibn Ḥajar dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*.

Terdapat juga beberapa kajian yang menyentuh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, seperti artikel *Dilālāt Manhajīyyah fī Kitābah al-Sīrah al-Nabawīyyah* (Khālid Ḥamūdah, 2021) serta tesis *al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Faḥ al-Bārī Jam' wa Tawḥīq* (Muḥammad al-Amīn Muḥammad al-Jaknī, 1994). Namun, kajian-kajian ini lebih menumpukan kepada pengumpulan dan pendokumentasian riwayat sirah atau perbandingan terhad antara riwayat tertentu, tanpa merumuskan metodologi Ibn Ḥajar secara menyeluruh dalam menangani percanggahan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*.

Berbeza dengan kajian-kajian terdahulu, artikel ini menumpukan secara khusus kepada analisis metodologi Ibn Ḥajar al-'Asqalānī dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* yang bercanggah dalam *Faḥ al-Bārī*, sekaligus menzahirkan pendekatan beliau dalam menggabungkan disiplin hadis dan sirah.

## BIOGRAFI IBN ḤAJAR AL-'ASQALĀNĪ

Menurut al-Sakhāwī (1999), nama penuh beliau ialah Aḥmad bin 'Alī bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin Maḥmūd bin Aḥmad. Antara gelaran lain bagi beliau adalah Ibn Ḥajar, al-Kinānī dan al-'Asqalānī. Beliau dilahirkan pada 22 Sha'bān tahun 773H di dalam sebuah rumah yang terletak di tepi Sungai Nil berdekatan Dār al-Nāḥḥās dan al-Jāmi' al-Jadīd. Ibn Ḥajar

berasal daripada keluarga yang terdiri daripada tokoh-tokoh ilmuwan Islam terutamanya dalam bidang hadis dan fiqh.

Ibn Hajar mempunyai guru yang sangat ramai. Berdasarkan kitab *al-Majma' al-Muassas li al-Mu'jam al-Mufahras*, guru-guru beliau dianggarkan berjumlah seramai 730 orang guru (Ibn Hajar, 1992). Antara guru-guru beliau yang masyhur ialah seperti Alī bin Abū Bakr al-Haythamī (m. 800H), Ibrāhīm bin Aḥmad al-Tanūkhī (m. 800H), Ibn al-Mulaqqin (m. 804H), Sirāj al-Dīn al-Bulqīnī (m. 805H), Zayn al-Dīn al-'Iraqī (m. 806H), Muḥammad bin Ya'qūb al-Shīrāzī (m. 817H) dan juga 'Izz al-Dīn Muḥammad bin Abū Bakr atau lebih dikenali sebagai Ibn Jamā'ah (m. 819H).

Ibn Hajar menjadi seorang tokoh yang hebat dan cukup disegani setelah berguru dengan ramai tokoh ilmuwan yang hebat dalam pelbagai bidang. Hal ini menyebabkan ramai yang mahu mempelajari ilmu daripada beliau. Ini menjadikan jumlah muridnya begitu ramai sehingga mencecah 600 orang. Antara anak murid beliau yang masyhur ialah Naṣīm al-Dīn al-Murshidī (m. 833H), Ibn Taghrī Birdī (m. 874H), Burhān al-Dīn al-Ḥalabī (m. 884H) dan juga Al-Ḥāfidh Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī (m. 902H). Ibn Hajar pernah menyandang beberapa jawatan penting sepanjang kehidupannya. Antaranya adalah sebagai guru tafsir, fiqh dan juga hadis di beberapa buah tempat di sekitar Mesir (al-Sakhāwī, 1999).

Ibn Hajar banyak mengarang karya-karya dalam pelbagai bidang dan merupakan seorang penulis yang prolifik. Al-Sakhāwī (1999) menyenaraikan kira-kira 273 judul karya beliau. Ini jelas menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang sangat luas. Beliau mula berkecimpung dalam penulisan bermula pada tahun 796H. Ada antara karya-karya beliau yang masih dalam bentuk manuskrip dan ada juga yang masih dalam peringkat penyediaan di samping yang sudah sempurna dan selesai.

Antara karya-karya yang ditulis Ibn Hajar yang meliputi pelbagai bidang seperti hadis, tafsir, kesusasteraan Arab dan sejarah adalah seperti *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*, *Al-Ijāb bi Bayān al-Asbāb*, *Al-Qawl al-Musaddad fi al-Dhabb 'an Musnad Aḥmad*, *Al-Majma' al-'Ām fi Ādab al-Sharab wa al-Ta'ām wa Dukhūl al-Ḥammām*, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Nukhbah al-Fikar fi Muṣṭalah Ahl al-Athar*, *Lisān al-Mīzān*, *Al-Durar al-Kāminah fi A'yān Ahl al-Mīah al-Thāminah* serta banyak lagi karya beliau yang lain. Ibn Hajar mula mengalami

kesakitan pada bulan Zulkaedah tahun 852H. Pada tanggal 18 Zulhijjah iaitu pada malam Sabtu selepas Isyak, beliau telah meninggal dunia (al-Sakhāwī, 1999).

## KAEDAH IBN HAJAR AL-'ASQALĀNĪ DALAM BERINTERAKSI DENGAN RIWAYAT AL-MAGHĀZĪ DAN AL-SIYAR

Sepanjang pemerhatian dan penelitian penulis, terdapat beberapa kaedah Ibn Hajar dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* di dalam kitab *Fath al-Bārī*.

### Menolak Riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* yang Bercanggah dengan Hadis yang Sahih

Antara kaedah beliau adalah menolak riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* yang bercanggah dengan hadis yang sahih. Ini kerana menurut Akram Ḍiyā' al-'Umarī (1994), riwayat ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* boleh digunakan bagi melengkapkan perincian sesuatu peristiwa yang tiada kaitan dengan akidah dan syariah namun ia mestilah tidak bercanggah dengan hadis yang sahih. Daripada Ibn 'Umar RA bahawa Nabi SAW pernah membakar kebun kurma Bani Naḍīr. Baginda SAW bersabda, "Untuk itulah Hassān bin Thābit mengatakan,

"وَهَانَ عَلَى سَرَاةِ بَنِي لُؤَيٍّ ... حَرِيقٌ بِالْبُؤَيْرَةِ مُسْتَطِيرٌ"

"Dan telah hina pemimpin Bani Lu'ai, kebakaran di Buwayrah telah menyala-nyala." Lantas Abū Sufyān bin al-Hārith menjawab,

"أَدَامَ اللَّهُ ذَلِكَ مِنْ صَنِيعٍ ... وَحَرَّقَ فِي نَوَاحِيهَا السَّعِيرَ"

ستعلم ابنا منها بنزة ... وتعلم أي أرضيننا تضيير"

"Semoga Allah memanjangkan kebakaran itu, dan membiarkan ia dan kawasan sekitarnya terbakar oleh api, kamu akan mengetahui siapa di antara kita (dari al-Buwayrah) yang akan menjauh darinya, dan kamu akan mengetahui mana dari kedua tanah kami yang diancam bahaya." (al-Bukhārī, 2001).

Dalam kitab *Fath al-Bārī*, Ibn Hajar menukikkan satu riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* daripada Abī 'Amrū al-Shaybānī yang menukikkan bahawa Abū Sufyān bin al-Hārith mengatakan:

"لَعَزَّ عَلَى سَرَاةِ بَنِي لُؤَيٍّ ... حَرِيقٌ بِالْبُؤَيْرَةِ مُسْتَطِيرٌ"

“Dan telah mulia pemimpin Bani Lu'ai, kebakaran di Buwayrah telah menyala-nyala.” (Ibn Sayyid al-Nās, 1993). Ini berbeza dengan riwayat dalam *Sahīh al-Bukhārī* yang menyatakan bahawa yang menyatakan kata-kata tersebut adalah Hassān bin Thābit. Riwayat tersebut juga ada sedikit perubahan pada perkataan *wahāna* dalam *Sahīh al-Bukhārī* yang digantikan dengan perkataan *la'azza* dalam riwayat Abī 'Amrū al-Shaybānī.

Ibn Hajar (1970) dalam kitab *Fath al-Bārī* menyatakan bahawa apa yang dinukilkan dalam *Sahīh al-Bukhārī* lebih sahih. Ini menunjukkan bahawa beliau menolak riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* yang bercanggah dengan hadis yang sahih.

Contoh berikutnya adalah berkenaan bilangan tentera yang terlibat dalam perang Uhud. Ibn Hajar di dalam *Fath al-Bārī* menukilkan bahawa Ibn al-Qayyim (1994) menyatakan bahawa ada 50 orang tentera berkuda dalam perang Uhud tersebut. Ibn Hajar (1970) menolak riwayat ini dengan mengatakan bahawa ia adalah kesalahan yang jelas. Ini kerana pendapat yang muktamad adalah apa yang terdapat di dalam hadis yang sahih iaitu dalam *Sahīh al-Bukhārī*.

Daripada Abū Ishāq beliau berkata aku mendengar Al-Barrā' bin 'Āzib berkata:

"جَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الرَّجَالَةِ يَوْمَ أُحُدٍ وَكَانُوا خَمْسِينَ رَجُلًا عَبْدَ اللَّهِ بْنِ جُبَيْرٍ..."

“Nabi SAW melantik 'Abd Allāh bin Jubayr sebagai komandan pasukan pemanah pada perang Uhud yang berjumlah lima puluh orang.” (al-Bukhārī, 2001). Berdasarkan kisah ini, ia juga jelas menunjukkan bahawa Ibn Hajar menolak riwayat *al-Maghāzī* yang bercanggah dengan riwayat hadis yang sahih.

Antara contoh lain yang menunjukkan Ibn Hajar menolak riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* yang bercanggah dengan hadis yang sahih adalah berkenaan peristiwa penentuan ketua Sariyyah al-Rajī'. Daripada Abu Hurairah RA:

"...وَأَمَرَ عَلَيْهِمْ عَاصِمَ بْنَ ثَابِتِ الْأَنْصَارِيِّ جَدَّ عَاصِمِ بْنِ عُمَرَ..."

“Baginda SAW melantik 'Āṣim bin Thābit al-Anṣārī iaitu datuk kepada 'Āṣim bin 'Umar...” (al-Bukhārī, 2001).

Ibn Ishāq pula berkata:

"...وَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْقَوْمِ مَرْتَدَ بَنِي أَبِي مَرْتَدَ الْغَنَوِيِّ..."

“Baginda SAW melantik Marthad bin Abī Marthad al-Ghanawī...” (Ibn Hishām, 1955).

Ibn Hajar (1970) berkata:

“... وَفِي السِّيَرَةِ أَنَّ الْأَمِيرَ عَلَيْهِمْ كَانَ مَرْتَدًا بِنِ أَبِي مَرْتَدٍ، وَمَا فِي الصَّحِيحِ أَصَحُّ.”

“Di dalam riwayat sirah disebutkan bahawa ketua mereka adalah Marthad bin Abī Marthad. Namun apa yang disebutkan dalam Sahih (al-Bukhari) lebih sahih dan tepat.”

Berdasarkan contoh-contoh ini, dapat disimpulkan bahawa Ibn Hajar meletakkan hadis sahih sebagai neraca utama dalam menilai riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*, serta menolak riwayat yang bercanggah dengannya secara jelas.

#### **Mentarjīhkan Apa yang Disepakati oleh Ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar***

Ibn Hajar juga didapati mentarjīhkan apa yang disepakati oleh ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*. Menurut Jawwād Muḥammad Aḥmad Darwīsh (2001), antara kaedah dan metodologi Ibn Hajar adalah beliau akan mentarjīhkan apa yang disepakati oleh ulama *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*. Ini adalah kerana ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* lebih mahir tentang sejarah dan peperangan berbanding selain mereka. Daripada Abū Ishāq beliau berkata: Aku pernah berada di samping Zayd bin Arqam lalu ditanyakan kepadanya:

"كَمْ غَزَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ غَزْوَةٍ؟ قَالَ: تِسْعَ عَشْرَةَ، قِيلَ: كَمْ غَزَوْتَ أَنْتَ مَعَهُ؟ قَالَ: سَبْعَ

عَشْرَةَ، قُلْتُ: فَأَيُّهُمْ كَانَتْ أَوْلَ؟ قَالَ: الْعُسَيْرَةُ أَوْ الْعُسَيْرَةُ، فَذَكَرْتُ لِقَتَادَةَ فَقَالَ: الْعُسَيْرَةُ

“Berapa kali Nabi SAW ikut dalam peperangan?. Beliau menjawab; Sembilan belas kali. Lalu ditanyakan lagi; Berapa kali kamu menyertai baginda berperang?. Dia menjawab; Tujuh belas kali. Aku bertanya; Di antara perang-perang itu, manakah yang pertama terjadi?. Dia menjawab; Perang al-'Usayrah atau al-'Ushayrah. Kemudian aku tanyakan kepada Qatādah, maka dia menjawab; Perang al-'Ushayrah” (al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (1970) dalam *Fathḥ al-Bārī* ketika menghuraikan hadis ini menyatakan bahawa kata-kata Qatādah tentang perang al-'Ushayrah adalah yang disepakati oleh ahli *al-Siyar* serta ia merupakan yang benar dan *rājiḥ* di sisi Ibn Hajar. Ini menunjukkan bahawa antara kaedah

Ibn Ḥajar dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* dalam *Fatḥh al-Bārī* adalah mentarjīḥkan apa yang disepakati oleh ahli *al-Siyar*.

Antara contoh lain adalah seperti kisah unta Jābir RA yang dibeli oleh Nabi SAW.

عَنْ جَابِرٍ: "اشْتَرَاهُ بِطَرِيقِ تَبُوكَ، أَحْسِبُهُ قَالَ: بِأَرْبَعِ أَوْاقٍ."

Daripada Jābir: "Baginda SAW membelinya dalam perjalanan pulang dari Tabūk. Aku kira beliau berkata: dengan empat *uqiyah*." (al-Bukhārī, 2001).

Dalam hadis ini jelas disebutkan bahawa Nabi SAW membeli unta daripada Jābir RA ketika dalam peperangan Tabūk. Namun ketika Ibn Ḥajar menghuraikan hadis ini, beliau membawakan riwayat Ibn Ishāq yang menunjukkan bahawa ia berlaku dalam peperangan Dhāt al-Riqā'. Ibn Ḥajar (1970) berkata:

"جَزَمَ ابْنُ إِسْحَاقَ، عَنْ وَهْبِ بْنِ كَيْسَانَ فِي رِوَايَتِهِ الْمُشَارِ إِلَيْهَا قَبْلُ بِأَنَّ ذَلِكَ كَانَ فِي غَزْوَةِ ذَاتِ الرِّقَاعِ مِنْ نَحْلِ، وَكَذَا أَخْرَجَهُ الْوَأَقِدِيُّ مِنْ طَرِيقِ عَطِيَّةِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَنَسٍ، عَنْ جَابِرٍ، وَهِيَ الرَّاجِحَةُ فِي نَظَرِي لِأَنَّ أَهْلَ الْمَعَازِي أَضْبَطُ لِذَلِكَ مِنْ غَيْرِهِمْ."

"Ibn Ishāq menegaskan melalui riwayatnya daripada Wahb ibn Kaysān yang telah disebut sebelumnya bahawa peristiwa itu berlaku dalam Ghazwah Dhāt al-Riqā' di kawasan Nakhil. Al-Wāqidī juga meriwayatkannya melalui jalur 'Aṭīyyah ibn 'Abdullah ibn Unays daripada Jābir. Riwayat inilah yang lebih kuat pada pandanganku, kerana ahli *al-Maghāzī* lebih mahir dalam hal yang berkaitan dengan sejarah peperangan berbanding selain mereka."

Huraian oleh Ibn Ḥajar ini jelas menunjukkan bahawa beliau men *tarjīḥ*kan pendapat Ibn Ishāq dan al-Wāqidī yang menyatakan ia berlaku dalam peperangan Dhāt al-Riqā'. Menurut Ibn Ḥajar, pandangan mereka lebih tepat kerana mereka lebih mahir dalam selok belok peperangan. Antara faktor lain yang menyebabkan Ibn Ḥajar (1970) mentarjīḥkan pandangan tersebut adalah kerana dalam riwayat lain ada disebutkan bahawa peristiwa itu berlaku ketika mereka pulang dari Mekah menuju ke Madinah sedangkan jalan ke Tabūk berbeza dengan jalan ke Mekah berbanding jalan menuju peperangan Dhāt al-Riqā'. Pandangan ini turut ditarjīḥkan oleh Aḥmad bin Ismā'īl al-Kūrānī (2008) ketika menghuraikan hadis ini kerana kata-kata Jābir menunjukkan peperangan itu berlaku berhampiran dengan peperangan Uhud manakala perang Tabūk pula adalah merupakan perang yang berbeza dan jauh jaraknya.

Justeru, hal ini memperlihatkan bahawa Ibn Hajar mengiktiraf kepakaran ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* dalam aspek sejarah peperangan, dan menjadikan kesepakatan mereka sebagai asas *tarjih* apabila tiada percanggahan dengan hadis sahih.

### Menggabungkan Antara Riwayat Sahih dengan Riwayat Ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*

Selain itu, antara kaedah Ibn Hajar dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* adalah beliau menggabungkan antara riwayat sahih dengan riwayat ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*. Ini dapat dilihat melalui contoh berikut:

قَالَ عَمْرُو: سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ لَكَعِبِ بْنِ الْأَشْرَفِ، فَإِنَّهُ قَدْ آذَى اللَّهَ وَرَسُولَهُ، فَقَامَ مُحَمَّدُ بْنُ مَسْلَمَةَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَتُحِبُّ أَنْ أَقْتُلَهُ؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَأَذَنْ لِي أَنْ أَقُولَ شَيْئًا، قَالَ: "قُلْ"، فَأَتَاهُ مُحَمَّدُ بْنُ مَسْلَمَةَ فَقَالَ: إِنَّ هَذَا الرَّجُلَ قَدْ سَأَلَنَا صَدَقَةً، وَإِنَّهُ قَدْ عَنَانَا وَإِنِّي قَدْ أَتَيْتُكَ أَسْتَسْلِفُكَ..."

‘Amr berkata: Aku mendengar Jābir bin ‘Abd Allāh RA berkata: Rasūl Allāh SAW bersabda: “Siapakah yang sudah bersedia untuk (membunuh) Ka’b bin al-Al-Ashraf kerana dia telah menghina Allah dan Rasul-Nya? Lalu Muḥammad bin Maslamah bangun dan berkata: Wahai Rasūl Allāh, mahukah kamu jika aku yang membunuhnya? Baginda menjawab: Ya. Muḥammad bin Maslamah berkata: “Izinkan aku untuk berkata sesuatu.” Baginda menjawab: Katakanlah. Setelah itu Muḥammad bin Maslamah mendatangi Ka’b dan berkata: Sesungguhnya lelaki ini (Nabi SAW) telah meminta sedekah daripada kami padahal kami dalam keadaan susah, oleh itu kami datang untuk berhutang denganmu...”. (al-Bukhārī, 2001).

Ketika menghuraikan hadis ini, Ibn Hajar (1970) menyatakan bahawa dalam riwayat yang sahih ini jelas bahawa orang bercakap dengan Ka’b adalah Muḥammad bin Maslamah. Namun Ibn Hajar menukilkan juga bahawa Ibn Ishāq dan ahli *al-Maghāzī* yang lain menyatakan bahawa orang yang bercakap dengan Ka’b adalah Abū Nāilah (Ibn Hishām, 1955).

Di sini Ibn Hajar cuba menggabungkan antara dua riwayat ini dengan menyatakan bahawa setiap seorang daripada mereka iaitu Muḥammad bin Maslamah dan Abū Nāilah kedua-duanya bercakap dengan Ka’b. Menurut Ibn Hajar (1970), kemungkinan ini adalah

kerana Abū Nāilah merupakan adik beradik susuan kepada Muḥammad bin Maslamah. Ini menunjukkan bahawa antara kaedah Ibn Ḥajar adalah menggabungkan antara riwayat hadis yang sahih dengan riwayat ahli *al-Maghāzī*.

Begitu juga riwayat yang menyebutkan tentang bilangan *al-Qurrā'* yang dihantar oleh Nabi SAW kepada Banī Liḥyān, Ri'l dan juga Dhakwān. Daripada Anas RA:

"بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبْعِينَ رَجُلًا لِحَاجَةٍ، يُقَالُ لَهُمُ الْقُرَاءُ، فَعَرَضَ لَهُمْ حَيَّانٍ مِنْ بَنِي سُلَيْمٍ، رِغْلٌ وَدَكْوَانٌ، عِنْدَ بئرٍ يُقَالُ هَا بِئرٌ مَعُونَةٌ..."

“Nabi SAW menghantar 70 orang lelaki bagi memenuhi satu keperluan. Mereka disebut sebagai *al-Qurrā'* (penghafaz al-Quran) lalu mereka dihalang oleh penduduk Bani Sulaym, Ri'l dan juga Dhakwān di sebuah telaga yang dipanggil Bi'r Ma'ūnah..” (al-Bukhārī, 2001).

Ketika menghuraikan hadis ini, Ibn Ḥajar menukikan riwayat daripada Ibn Ishāq bahawa bilangan *al-Qurrā'* yang terlibat dalam peristiwa tersebut adalah seramai 40 orang (Ibn Hishām, 1955). Ibn Ḥajar (1970) menyatakan bahawa kedua-dua riwayat ini boleh digabungkan iaitu bilangan 40 orang itu merupakan pemimpin mereka manakala bilangan yang berbaki merupakan pengikut mereka. Ini juga jelas menunjukkan bahawa Ibn Ḥajar menggabungkan dan mengharmonikan antara riwayat ahli *al-Maghāzī* dan juga riwayat yang sahih.

Justeru, kaedah ini menunjukkan kecenderungan Ibn Ḥajar untuk mengharmonikan riwayat-riwayat yang berbeza selagi ia boleh digabungkan tanpa menjejaskan kesahihan hadis.

### Memperincikan Kisah yang Ada Dalam Hadis yang Sahih

Jika diamati dalam kitab *Fatḥh al-Bānī*, pengkaji mendapati bahawa Ibn Ḥajar banyak menukikan riwayat ahli *al-Maghāzī* dalam melengkapkan perincian yang terdapat dalam kisah dan riwayat dalam *Sahīḥ al-Bukhārī*. Seperti yang sedia maklum, riwayat sahih berkenaan *al-Maghāzī* dan juga *al-Siyar* majoritinya banyak dinukilkan dalam kitab-kitab hadis. Namun pengarang kitab-kitab hadis ini tidak memberikan gambaran menyeluruh daripada segenap sudut tentang sesuatu peristiwa berikutan tujuan dan fokus mereka yang berbeza iaitu mengeluarkan hukum-hakam daripadanya.

Sepanjang pemerhatian penulis, Ibn Ḥajar didapati menukikan riwayat *al-Maghāzī* dalam melengkapkan perincian sesuatu kisah. Perincian ini dapat dibahagikan kepada beberapa aspek. Aspek tersebut adalah seperti bilangan orang yang terlibat dalam sesuatu

peristiwa, tarikh peristiwa itu berlaku, nama yang terlibat dalam sesuatu peristiwa serta lokasi dan tempat peristiwa itu berlaku.

### 1. Menampilkan Perincian Berkenaan Tarikh

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: "قَدِمَ أَنَسٌ مِنْ عُكْلٍ أَوْ عُرَيْبَةَ، فَاجْتَوَوْا الْمَدِينَةَ.."

Daripada Anas bin Mālik beliau berkata, “Beberapa orang dari 'Ukl atau 'Uraynah datang ke Madinah, namun mereka tidak tahan dengan cuaca Madinah hingga mereka jatuh sakit..” (al-Bukhārī, 2001).

Hadis di atas tidak menyatakan perincian tarikh bilakah peristiwa ini berlaku. Jika dilihat pada pandangan ulama *al-Maghāzī* yang dinukilkan oleh Ibn Ḥajar dalam kitab *Fatḥh al-Bārī*, mereka berbeza pandangan dalam menentukan bilakah tarikh peristiwa ini berlaku. Mereka terbahagi kepada tiga pendapat:

- i. Peristiwa ini berlaku pada bulan Jamadil Akhir. Ini adalah pendapat Ibn Ishāq (al-Ṣanʿānī, 2012).
- ii. Peristiwa ini berlaku pada bulan Syawal. Ini adalah pandangan al-Wāqidī dan diikuti oleh Ibn Saʿd dan Ibn Ḥibbān (Ibn Ḥajar, 1970).
- iii. Peristiwa ini berlaku pada bulan Zulkaedah selepas daripada peristiwa al-Ḥudaybiyyah. Ini adalah pandangan Imam al-Bukhārī (Ibn Ḥajar, 1970).

Ini menunjukkan Ibn Ḥajar menukilkan perincian tarikh berlakunya sesuatu peristiwa dari ahli *al-Siyar*. Namun di sini Ibn Ḥajar tidak *menṭarjīhkan* mana-mana pandangan.

Ibn Ḥajar juga didapati menukilkan perincian ahli *al-Siyar* berkenaan tarikh berlakunya peperangan Khandaq.

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: "كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَنْدَقِ وَهُمْ يَحْفَرُونَ وَنَحْنُ

نَنْقُلُ التُّرَابَ عَلَى أَكْتَادِنَا..."

Daripada Sahl bin Saʿd r.a. berkata: “Kami bersama Rasulullah SAW ketika berada di Khandaq. Mereka sedang menggali (parit), dan kami pula mengangkut tanah di atas bahu-bahu kami...” (Al-Bukhārī, 2001). Di dalam hadis ini tidak diperincikan tarikh berlakunya peperangan Khandaq. Justeru Ibn Ḥajar mengambil perincian daripada Ibn Ishāq bagi mendapatkan maklumat tersebut. Beliau berkata:

...”وقَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ: كَانَتْ فِي شَوَّالٍ سَنَةَ خَمْسٍ...”

“...Ibn Ishāq berkata: Ia (peperangan Khandak) berlaku pada bulan Syawal tahun kelima hijrah...” (Ibn Hajar, 1970).

Antara contoh lain juga adalah Ibn Hajar didapati menukilkan perincian tarikh berlakunya peperangan Dhī Qarad.

عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي عُبَيْدٍ قَالَ: سَمِعْتُ سَلَمَةَ بْنَ الْأَكْوَعِ يَقُولُ: "حَرَجْتُ قَبْلَ أَنْ يُؤَدَّنَ بِالْأُولَى، وَكَانَتْ لِقَاحِ

رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَعَى بِذِي قَرَدٍ...”

Daripada Yazīd bin Abī ‘Ubayd berkata: “Aku mendengar Salamah bin al-Akwa’ berkata: Aku keluar sebelum azan Subuh dilaungkan, dan unta-unta betina Rasulullah SAW ketika itu sedang meragut makanannya di Dhi Qarad...” (Al-Bukhārī, 2001).

Di dalam hadis ini tidak dijelaskan tarikh berlakunya peperangan Dhī Qarad secara terperinci. Justeru Ibn Hajar menukilkan pandangan daripada ahli *al-Siyar* bagi tujuan tersebut. Ibn Hajar menukilkan riwayat Ibn Sa’d yang menyatakan bahawa ia berlaku pada bulan Rabiul Awwal tahun keenam hijrah iaitu sebelum peristiwa Hūdaybiyyah. Ibn Hajar turut menukilkan pandangan daripada Ibn Ishāq yang menyatakan ia berlaku pada bulan Sya’ban tahun tersebut. Justeru, contoh-contoh ini dengan jelas menunjukkan bahawa Ibn Hajar menukilkan perincian berkenaan tarikh sesuatu peristiwa, khususnya kerana ia tidak disebut secara terperinci dalam hadis yang sahih.

## 2. Menukilkan Perincian Berkenaan Tempat

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ: "بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْثًا قِبَلَ السَّاحِلِ، وَأَمَرَ

عَلَيْهِمْ أَبَا عُبَيْدَةَ بْنَ الْجَرَّاحِ...”

Daripada Jābir RA berkata: “Nabi SAW mengutus satu delegasi menuju ke pantai dan melantik Abū ‘Ubaydah al-Jarrāh sebagai ketua...” (al-Bukhārī, 2001).

Ketika menjelaskan bab dan hadis ini, Ibn Hajar (1970) menukilkan pendapat dari ahli *al-Siyar* dan *al-Maghāzī* iaitu Ibn Sa’d tentang perincian lokasi peristiwa tersebut. Ibn Sa’d (1990) menyatakan bahawa Nabi SAW menghantar delegasi tersebut ke sebuah perkampungan Juhaynah di al-Qabaliyyah. Menurut Ibn Manẓūr (1993), al-Qabaliyyah adalah merupakan

nisbah kepada Qabal yang terletak berdekatan dengan pesisir pantai dan jaraknya dari Madīnah al-Munawwarah adalah sejauh lima hari perjalanan. Ini menunjukkan bahawa Ibn Hajar menukilkan riwayat dan pendapat daripada *ahli al-Siyar* dan *al-Maghāzī* bagi memperincikan maklumat yang terdapat dalam riwayat dan hadis yang sahih khususnya berkenaan tempat.

Contoh lain adalah seperti tempat Rasūl Allāh SAW dan Abū Bakar keluar dari rumah Abū Bakar.

أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ... "ثُمَّ لَحِقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ بَعَارٍ فِي جَبَلِ ثَوْرٍ..."

Daripada ‘Ā’ishah RA, beliau berkata: “..kemudian Rasūl Allāh SAW berjumpa dengan Abū Bakr di sebuah gua di bukit Thawr..” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar (1970) dalam kitabnya *Fath al-Bārī* menukilkan riwayat al-Wāqidī dan berkata: “Al-Wāqidī menyebutkan bahawa mereka berdua (iaitu Rasūl Allāh SAW dan Abū Bakr) keluar dari pintu kecil di belakang rumah Abū Bakr..”. (Al-Maqrīzī, 1999). Contoh ini juga menunjukkan bahawa Ibn Hajar menukilkan perincian berkenaan lokasi dan tempat sesuatu peristiwa itu berlaku daripada ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*.

### 3. Menukilkan perincian berkenaan nama yang *mubham*

Nama *mubham* bermaksud sesuatu identiti yang tidak disebutkan namanya secara jelas. Sebahagian hadis yang sahih ataupun *ḥasan* mengandungi individu-individu yang tidak disebutkan namanya. Justeru riwayat ahli *al-Siyar* dan *al-Maghāzī* diperlukan untuk menjelaskan nama yang *mubham* tersebut (Ramle, 2014).

أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي رَافِعٍ، قَالَ: "سَمِعْتُ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا وَالزُّبَيْرُ، وَالْمِقْدَادُ بْنُ الْأَسْوَدِ، قَالَ: انْطَلِقُوا حَتَّى تَأْتُوا رَوْصَةَ حَاخٍ، فَإِنَّ بِهَا ظِعِينَةً، وَمَعَهَا كِتَابٌ فَخُذُوهُ مِنْهَا..."

Daripada ‘Ubayd Allāh bin Abī Rāfi’, beliau berkata: “Aku mendengar Alī RA berkata: Rasūl Allāh mengutus aku bersama al-Zubayr dan al-Miqdād dan berkata: Bertolaklah kamu sehingga

kamu sampai ke Rawḍah Khākh, sesungguhnya di sana ada seorang utusan perempuan yang mempunyai surat maka ambillah daripadanya...” (al-Bukhārī, 2001).

Kisah ini adalah berkenaan utusan yang dihantar oleh Ḥaṭīb bin Abī Balta’ah kepada Quraysh bagi memberi maklumat tentang pergerakan tentera yang dipimpin baginda Nabi SAW untuk menawan kota Mekah. Ibn Ḥajar menukikan daripada Ibn Ishāq yang memperincikan nama utusan perempuan tersebut iaitu Sārah (Ibn Hishām, 1955). Manakala Ibn al-Athīr (1994) pula menukikan pendapat bahawa namanya adalah Ummū Sārah. Ini menunjukkan bahawa Ibn Ḥajar menukikan perincian dari riwayat ahli *al-Siyar* bagi menjelaskan nama yang *mubham*.

Antara contoh lain adalah seperti hadis yang diriwayatkan oleh Sahl bin al-Ḥanzaliyyah. Ibn Ḥajar berkata:

"وَأَبِي دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ مِنْ حَدِيثِ سَهْلِ بْنِ الْحَنْظَلِيَّةِ أَنَّهُمْ سَارُوا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى حُنَيْنٍ فَأَطْنَبُوا السَّيْرَ، فَجَاءَ رَجُلٌ فَقَالَ: إِنِّي أَنْطَلَقْتُ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيكُمْ حَتَّى طَلَعْتُ جَبَلًا كَذَا وَكَذَا..."

“Dalam Sunan Abī Dāwūd dengan sanad yang *ḥasan* daripada hadis Sahl bin al-Ḥanzaliyyah bahawa mereka telah berangkat bersama Nabi SAW menuju Ḥunayn, lalu mereka memperpanjang perjalanan. Maka datang seorang lelaki seraya berkata: Sesungguhnya aku telah berangkat mendahului kalian sehingga aku mendaki sebuah bukit begini dan begini...” (Abū Dāwūd, 2009).

Dalam hadis ini tidak dijelaskan identiti lelaki tersebut. Lalu Ibn Ḥajar membawakan riwayat Ibn Ishāq bagi menjelaskan identiti lelaki tersebut. Ibn Ḥajar (1970) berkata:

"...وَعِنْدَ ابْنِ إِسْحَاقَ مِنْ حَدِيثِ جَابِرٍ مَا يَدُلُّ عَلَى أَنَّ هَذَا الرَّجُلَ هُوَ عَبْدُ اللَّهِ بْنِ أَبِي حَدَرٍ الْأَسْلَمِيِّ..."

“...Riwayat Ibn Ishāq daripada hadis Jābir yang menunjukkan bahawa lelaki tersebut adalah ‘Abd Allāh bin Abī Ḥadrad al-Aslamī...”

Ini juga jelas menunjukkan bahawa Ibn Ḥajar menukikan riwayat daripada ahli *al-Siyar* dan *al-Maghāzī* bagi memperincikan nama individu yang *mubham*.

#### 4. Menerima perincian riwayat *al-Siyar* yang berkaitan dengan doa

عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ قَالَ: "سَمِعْتُ ابْنَ مَسْعُودٍ يَقُولُ: "شَهِدْتُ مِنَ الْمُقَدَّادِ بْنِ الْأَسْوَدِ مَشْهَدًا، لِأَنَّ أَكُونَ صَاحِبَهُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا عُدِلَ بِهِ، أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَدْعُو عَلَى الْمُشْرِكِينَ.."

Daripada Ṭāriq bin Shihāb berkata: Aku mendengar Ibn Mas'ūd berkata: "Aku menyaksikan dan mendengar dari al-Miqdād bin al-Aswād suatu peristiwa. Jika aku menjadi orang yang terlibat dengan peristiwa itu lebih aku sukai berbanding beliau iaitu ketika Nabi SAW datang dan mendoakan ke atas kaum musyrikin.." (al-Bukhārī, 2001).

Di dalam hadis ini tidak disebutkan apakah doa yang dipanjatkan oleh Nabi SAW. Oleh itu Ibn Ḥajar (1970) dalam *Fatḥh al-Bānī* ketika menghuraikan hadis yang menyebutkan tentang doa Nabi SAW ini, beliau menukilkkan satu doa daripada riwayat Ibn Ishāq iaitu:

"اللَّهُمَّ هَذِهِ قُرَيْشٌ قَدْ أَتَتْ بِحِيَلِهَا وَفَخَّرَهَا مُجَادِلٌ وَتُكَدِّبُ رَسُولَكَ اللَّهُمَّ فَانصِرْكَ الَّذِي وَعَدْتَنِي"

Maksudnya: "Ya Allah, sesungguhnya kaum Quraysh ini telah datang dengan penuh kesombongan dan penuh takabbur berdebat dan mendustakan rasul-Mu. Ya Allah, kurniakanlah kemenangan yang engkau telah janjikan kepadaku." (Ibn Hishām, 1955). Ini menunjukkan Ibn Ḥajar menukilkkan dan menerima riwayat daripada ahli *al-Siyar* apa yang berkaitan dengan doa.

#### 5. Menukilkkan perincian kisah secara umum

Berdasarkan kajian, Ibn Ḥajar juga didapati akan menukilkkan riwayat dari ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* yang mengandungi perincian secara umum.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: "بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَرِيَّةً عَيْنًا وَأَمَرَ عَلَيْهِمْ عَاصِمَ بْنَ ثَابِتٍ... وَأَنْطَلَقُوا بِحُبَيْبٍ وَزَيْدٍ حَتَّى بَاغَوْهَا بِمَكَّةَ، فَاشْتَرَى حُبَيْبًا بَنُو الْحَارِثِ بْنِ عَامِرِ بْنِ نَوْفَلٍ..."

Daripada Abū Hurayrah RA berkata: Nabi SAW mengutuskan pasukan pengintip dan baginda melantik 'Aṣim bin Thābit sebagai ketua...mereka bertolak bersama-sama Khubayb dan juga Zayd lalu menjual mereka di Mekah. Lalu Khubayb dibeli oleh Banī al-Ḥārith bin 'Āmir bin Nawfal..." (al-Bukhārī, 2001).

Jika diperhatikan, di dalam hadis ini tidak disebutkan nama orang dari Banī al-Ḥārith bin Āmir bin Nawfal yang telah membeli Khubayb dan juga perincian kisah tentang orang yang telah membeli Zayd. Oleh itu Ibn Ḥajar di dalam *Fatḥh al-Bārī* menukilkan riwayat daripada ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* bagi melengkapkan perincian dalam hadis ini.

Ibn Ḥajar didapati menukilkan daripada Ibn Ishāq mengenai nama orang yang telah membeli Khubayb dari Banī al-Ḥārith bin Āmir bin Nawfal iaitu Ḥujayr bin Abī Ihāb al-Tamīmī. Manakala nama orang yang telah membeli Zayd bin al-Dathinah pula adalah Ṣafwān bin Umayyah.

Begitu juga ketika Ibn Ḥajar (1970) membawakan perbincangan mengenai sahabat yang dilantik oleh Nabi SAW sebagai pengurus pemerintahan di Madinah sewaktu Nabi SAW keluar berperang dalam peperangan Buwāṭ. Ibn Ḥajar membawakan dua pandangan dalam hal ini. Pandangan pertama menyatakan bahawa ia adalah ‘Uthmān bin Maz’ūn yang dinukilkan daripada Ibn Hishām (1955). Manakala pandangan kedua pula menyatakan ia adalah Sa’d bin Mu’ādh. Ia adalah pendapat yang dinukilkan daripada al-Wāqidī (1989) serta Ibn Kathīr (1997).

Justeru ini menunjukkan bahawa Ibn Ḥajar menggunakan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* sebagai pelengkap maklumat sejarah, bukan sebagai sumber utama penentuan hukum atau kesahihan hadis.

## PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini mendapati Ibn Ḥajar mempunyai kaedah dan metodologi tersendiri dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* khususnya dalam kitab *Fatḥh al-Bārī*. Antara kaedah beliau adalah beliau menolak riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* yang secara jelas bercanggah dengan hadis yang sahih. Kajian ini juga mendapati beliau men *tarjīh*kan apa yang disepakati oleh ahli *al-Siyar*.

Beliau juga didapati menggabungkan dan mengharmonikan antara riwayat ahli *al-Siyar* dengan hadis yang sahih jika ia boleh digabungkan. Antara kaedah Ibn Ḥajar juga adalah menggunakan riwayat ahli *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* untuk memperincikan riwayat yang terdapat dalam hadis yang sahih. Contohnya beliau akan menukilkan perincian berkenaan tempat, tarikh, nama yang *mubham*, doa dan juga perincian umum tentang sesuatu peristiwa yang berlaku itu.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa Ibn Ḥajar mempunyai kaedah dan metodologi tersendiri dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* khususnya dalam kitab *Fatḥh al-Bānī*. Pendekatan metodologi Ibn Ḥajar yang diketengahkan dalam kajian ini penting dalam konteks kajian sirah moden, khususnya sebagai rujukan dalam menilai dan mengharmonikan riwayat-riwayat sejarah yang bercanggah dengan hadis sahih. Penulis mencadangkan agar kaedah para *muhaddithīn* semisal al-Dhahabī, Ibn Kathīr dan lain-lain dalam berinteraksi dengan riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* dalam kitab mereka dikaji agar kaedah mereka dapat diserlahkan dalam berinteraksi dengan riwayat-riwayat ini. Diharapkan penulisan ini dapat memberikan panduan dalam berinteraksi dengan riwayat-riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* dan menyumbang untuk pengayaan khazanah ilmu serta menyerlahkan lagi ketokohan Ibn Ḥajar al-Asqalānī.

## RUJUKAN

- Abū Dāwūd, S. A. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. (Syu'aib al-Arnāuṭ, Muḥammad Kāmil Qurah Balali, Ed.). Beirut: Dār al-Risālah al-ʿIlmiyyah.
- Al-ʿUmarī, A. D. (1994). *al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Saḥīḥah*. Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.
- Al-ʿUmarī, A. D. (1994). *al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Saḥīḥah*. Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.
- Al-Bukhārī, M. I. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh.
- Al-Dumaynī, M. A. (t.t) *Marwīyyāt al-Sīrah al-Nabawīyyah baina Qawā'id al-Muhaddithīn wa Riwāyat al-Akhhāriyyīn*. Madīnah al-Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd.
- Al-Jaknī, M. A. M. (1994). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Faṭḥ al-Bā'ī Jam' wa Tawthīq*. Madīnah al-Munawwarah: Sa'd 'Abd al-'Azīz 'Abd al-Muḥsin al-Rāshid.
- Al-Kūrānī, A. I. (2008). *Al-Kawthar al-Jārī ilā Riyāḍ Aḥādīth al-Bukhārī* (Aḥmad 'Azw 'Ināyah, Ed.). Beirut: Dār Ihyā al-Turāth al-ʿArabī.
- Al-Maqrīzī, Taqīy al-Dīn Aḥmad bin 'Alī bin 'Abd al-Qādir bin Muḥammad. (1999). *Imtā' al-Asmā' bimā li al-Nabī min al-Aḥwāl wa al-Amwāl wa al-Ḥafādah wa al-Matā'*. (Muḥammad 'Abd al-Ḥamīd al-Namīsī, Ed.) Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Sakhāwī, M. A. R (1999). *Al-Jawāhir wa al-Durar fī Tarjamah Shaykh al-Islām Ibn Ḥajar*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-San'ānī, M. I. (2012). *Al-Taḥbīr Li Ḍāḥ Ma'nā al-Taysīr*. (Muḥammad Ṣubḥī bin Ḥasan Hallāq, Ed.). Riyād: Maktabah al-Rushd.
- Al-Wāqidī, M. U. (1989). *Kitāb al-Maghāzī*. (Marsden Jones, Ed.). Beirut: Dār al-ʿA'lamī.
- Ibn al-Athīr, A. M (1994). *Usd al-Ghābah fī Ma'rifat al-Ṣaḥābah*. (Alī Muḥammad Mi'wad, 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, Ed.). Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn al-Qayyim, M. A. B. (1994). *Zād al-Ma'ūd fī Hady Khayr al-'Ibād*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Ibn Ḥajar, A. A. (1970). *Faṭḥ al-Bā'ī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*. Misr: Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Ibn Ḥajar, A. A. (1992). *Al-Majma' al-Muassas li al-Mu'jam al-Mufahras* (Yūsuf 'Abd al-Raḥmān al-Mar'ashlī, Ed.). Beirut: Dār al-Ma'rifah

- Ibn Hishām, A. M. (1955). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah li Ibn Hishām*. (Muṣṭafā al-Saqā, Ibrāhīm al-Abyarī, Abd al-Hafīz al-Syalabī, Ed.). Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn Kathīr, I. U. (1997). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turki, Ed.). Qāhirah: Dār Hajar li al-Ṭiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī’ wa al-I’lān.
- Ibn Manẓur, M. M. (1993). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn Sa’d, M. S (1990). *Al-Ṭabaqāt al-Kubrā* (Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Atā, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Sayyid al-Nās, M. M. (1993). *‘Uyūn al-Athar fi Funūn al-Maghāzī wa al-Shamāil wa al-Siyar*. Bayrūt: Dār Al-Qalam.
- Jawwād, M. A. D. (2001). *Manhaj Ibn Ḥajar fi Mukhtalif al-Ḥadīth min Khilāl Kitābihi Faṭḥ al-Bān Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī ‘Arḍ wa Taḥlīl*. Ghazzah: Al-Jāmi’ah al-Islāmiyyah.
- Khālīd Ḥamūdah. (2021). *Dilālāt Manhajīyyah fi Kitābah al-Sīrah al-Nabawīyyah: Dirāsah Ḥawla al-Ikhtilāf Bayna Riwāyat Ibn Ishāq wa al-Bukhārī wa Mawqif Ibn Ḥajar Minha fi Kitāb al-Maghāzī min Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Majallah al-Mi’yār. Constantine: Jāmi’ah al-Amīr ‘Abd al-Qādir li al-‘Ulūm al-Islāmiyyah.
- Ramle, M. R. (2014). *al-Manhaj al-Naqdī li Riwāyat al-Maghāzī wa al-Siyar ‘inda Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Dirāsah Taṭbiqīyyah ‘ala Kitāb Zād al-Ma’ūd fi Hadyi Khayr al-‘Ibād*. Jordan: Universiti of Jordan.